

**TEKS UCAPAN KATA ALU-ALUAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS PENYERAHAN SURAT TAWARAN
& ANUGERAH PELAJAR CEMERLANG
(IJAZAH KELAS PERTAMA & LULUS
CEMERLANG) PELAJAR PEMBIAYAAN**

**PENDIDIKAN YAYASAN ANGKASA SESI
2022**

**14 JANUARI 2023 (SABTU)
9.45 PAGI
AUDITORIUM, ANGKASA**

BISMILLAHHIRRAHMANNIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WBT, SALAM
SEJAHTERA

TERIMA KASIH PENGACARA MAJLIS

**(SALUTASI TERKINI DILETAKKAN ATAS
ROSTRUM)**

1. TERLEBIH DAHULU BERSYUKUR KITA KEHADARAT ALLAH S.W.T KERANA DENGAN LIMPAH IZIN-NYA JUA, MAKA PADA HARI INI KITA DAPAT BERKUMPUL PADA MAJLIS PENYERAHAN SURAT TAWARAN DAN ANUGERAH PELAJAR CEMERLANG (IJAZAH KELAS PERTAMA & LULUS CEMERLANG) PELAJAR PEMBIAYAAN PENDIDIKAN YAYASAN

ANGKASA PADA PAGI YANG
BERBAHAGIA INI.

2. TERLEBIH DAHULU BAGI PIHAK
ANGKASA DAN AHLI LEMBAGA
PEMEGANG AMANAH YAYASAN
ANGKASA, SAYA MENGAMBIL
KESEMPATAN INI UNTUK MERAKAMKAN
UCAPAN SETINGGI-TINGGI

PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH
KEPADA YANG BERUSAHA TUAN RUSLI
BIN JAAFAR, PENGERUSI EKSEKUTIF
SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
(SKM) YANG SENTIASA KOMITED
MENYOKONG PROGRAM INI.

3. TIDAK LUPA JUGA, TERIMA KASIH
KEPADA SEMUA DIF-DIF JEMPUTAN, IBU

BAPA/PENJAGA DAN PELAJAR-PELAJAR YANG DAPAT MELUANGKAN MASA HADIR KE MAJLIS YANG BERMAKNA INI.

4. PADA HARI INI, SAYA MERASA SUNGGUH BERTUAH BUKAN SAHAJA KERANA DAPAT BERSUA DENGAN PELAJAR-PELAJAR CEMERLANG (KELAS PERTAMA & LULUS CEMERLANG)

PELAJAR PEMBIAYAAN PENDIDIKAN
YAYASAN ANGKASA.

MAKLUMAT ANUGERAH PELAJAR CEMERLANG (KELAS PERTAMA & LULUS CEMERLANG)

Peringkat Pengajian		Permohonan	Jumlah Pembiayaan Di Tukar kepada Biasiswa
Sepenuh Masa	Ijazah Sarjana Muda	13	RM 124,530.00

Data Anugerah Pelajar Cemerlang (Lulus Cemerlang) Kategori PJJ

Peringkat Pengajian		Permohonan	Jumlah Pembiayaan (Tanpa Caj faedah)
Separuh Masa (PJJ)	Ijazah Sarjana Muda	2	RM 53,000.00
	Ijazah Sarjana (Master)	3	
Jumlah Keseluruhan		18	

**DATA STATISTIK PENGAMBILAN PELAJAR BARU SESI PENGAMBILAN
2022**

Peringkat Pengajian		Permohonan	Jumlah Pembiayaan
Sepenuh Masa	Ijazah Sarjana Muda	146	RM 2,186,700.00
Jumlah		146	
Separuh Masa (PJJ)	Ijazah Sarjana Muda Ijazah Sarjana (Master) Doktor Falsafah (PhD)	27 15 6	RM 369,600.00

Jumlah	48	
Keseluruhan Permohonan	194	RM 2,556,300.00

5. TERDAPAT 18 ORANG PELAJAR MENDAPAT ANUGERAH PELAJAR CEMERLANG TAHNIAH DAN SYABAS KEPADA YANG CEMERLANG, MOGA MENJADI DORONGAN DAN SEMANGAT KEPADA PELAJAR-PELAJAR BARU

PEMBIAYAAN YAYASAN TAHUN INI SERAMAI 194 ORANG PENERIMA.

6. BAGI YANG MENDAPAT TAWARAN, SYARAT-SYARAT KONTRAK PERJANJIAN INI, PERLU DITELITI SEBAIK MUNGKIN SEBELUM MENANDATANGANNYA. AMAT PENTING BAGI KITA, SEORANG PELAJAR MEMATUHI DAN AMANAH

DENGAN PERJANJIAN INI, TERUTAMA MELIBATKAN PEMBAYARAN BALIK PEMBIAYAAN BAGI MEMASTIKAN KESINAMBUNGAN TABUNG INI. SEKIRANYA TIDAK DIBAYAR, AGAK SUKAR UNTUK KITA MENERUSKAN PEMBIAYAAN INI DI MASA HADAPAN.

7. SAYA JUGA MENYERU, PELAJAR-PELAJAR YANG MENERIMA TAJAAN INI AGAR MENGGUNAKAN KESEMPATAN INI SEBAIK MUNGKIN UNTUK BELAJAR BERSUNGGUH-SUNGGUH MENCAPAI KELAS PERTAMA, KERANA SEKIRANYA MENCAPAI KEPUTUSAN CEMERLANG PELAJAR TIDAK PERLU MEMBAYAR BALIK PEMBIAYAAN KERANA DITUKAR KEPADA

BIASISWA. ANGKASA AMAT
BERBANGGA SEKIRANYA PELAJAR DI
BAWAH TAJAANNYA MEMPEROLEH
KECEMERLANGAN ITU.

8. UNTUK MAKLUMAN, PEMBIAYAAN
INI TIDAK DIKENAKAN SEBARANG
FAEDAH. INI KERANA, ANGKASA AMAT
MENYEDARI DAN PERIHATIN TENTANG

KEPENTINGAN PENDIDIKAN DALAM USAHA MELAHIRKAN MODAL INSAN BERKEMAHIRAN TINGGI BUKAN SAHAJA UNTUK SEKTOR KOPERASI TETAPI JUGA UNTUK NEGARA. SELAIN ITU, IANYA MERUPAKAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL ANGKASA PADA GERAKAN KOPERASI, KHUSUSNYA ANGGOTA-ANGGOTA KOPERASI, ANAK-ANAK ANGGOTA

KOPERASI,UNTUK MENYAMBUNG
PENGGAJIAN KE PERINGKAT YANG LEBIH
TINGGI SELARAS DENGAN PRINSIP
KETUJUH KOPERASI, BERPERIHATIN
TERHADAP MASYARAKAT.

DATA STATISTIK PELAJAR YAYASAN ANGKASA DARI TAHUN 2000 HINGGA 2022

Perkara	Bilangan Pelajar Tajaan	Jumlah Pembiayaan	Jumlah Biasiswa sehingga 2017
2000 - 2021	1,312 pelajar	RM 27,238,057.00	RM 10,352,679.50
2022 (pengambilan baru)	194 pelajar	RM 2,556,300.00	

Jumlah Keseluruhan	1,506 pelajar	RM 29,794,435.70	
--------------------	---------------	------------------	--

9. SEJAK DITUBUHKAN PADA 2012 SEHINGGA 2022, YAYASAN TELAH MENAJA 1,506 ORANG PELAJAR DI PELBAGAI PERINGKAT DAN BIDANG PENGAJIAN DENGAN DENGAN JUMLAH PEMBIAYAAN SEBANYAK RM29.794 JUTA.

**DARIPADA JUMLAH ITU, RM10.352 JUTA
DITUKAR KEPADA BIASISWA.**

10. YAYASAN INI, DAHULUNYA DIKENALI
SEBAGAI TABUNG PENDIDIKAN
ANGKASA (TAPAK), YANG
KEMUDIANNYA DIPERLUASKAN KEPADA
YAYASAN SETELAH MENDAPAT
KELULUSAN DARIPADA SURUHANJAYA

KOPERASI MALAYSIA PADA 27
SEPTEMBER 2012. SEBELUM WUJUDNYA
YAYASAN, SKOP TAJAAN DI BAWAH
TAPAK TERHAD KEPADA PELAJAR-
PELAJAR YANG MENYAMBUNG
PENGAJIAN DI PERINGKAT IJAZAH
PERTAMA SAHAJA, TETAPI DI BAWAH
YAYASAN, SKOP PENGAJIAN
DIPERLUASKAN SEHINGGA KE

PERINGKAT PHD DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM DAN SWASTA.

11. MATLAMAT UTAMA YAYASAN
ANGKASA, UNTUK MEMBANTU
MELAHIRKAN GOLONGAN
BERPENGETAHUAN DAN BERKEMAHIRAN
TINGGI YANG BOLEH MENYUMBANG
KEPADA GERAKAN KOPERASI DAN

MASYARAKAT SECARA AMNYA.
ANGKASA BERPENDAPAT SEGALA
KEUNTUNGAN YANG DIPEROLEHI AKAN
DIKONGSI DAN DIPULANGKAN KEPADA
AHLI-AHLI MELALUI TAJAAN SEPERTI INI
DAN PROGRAM-PROGRAM LAIN YANG
DIANJURKAN ANGKASA KHUSUS UNTUK
GERAKAN KOPERASI.

12. BAGI MEMBENTUK SAHSIAH DIRI, PELAJAR-PELAJAR TAJAAN YAYASAN DIBERI PELBAGAI KURSUS PENINGKATAN KEMAHIRAN DIRI YANG MANA SEGALA KOS DITANGGUNG SEPENUHNYA YAYASAN ANGKASA DAN PELAJAR DIWAJIBKAN HADIR.

13. SEJAK PENAJAAN PERTAMA, ANGKASA BERTERUSAN MENGANJURKAN KURSUS/PROGRAM SECARA TERSUSUN KEPADA SEMUA PELAJAR DENGAN PELBAGAI PENGISIAN BERMANFAAT YANG DISAMPAIKAN OLEH PAKAR-PAKAR YANG TERPILIH. HAL INI KERANA ANGKASA SANGAT MENGAMBIL BERAT PERIHAL PELAJAR-

PELAJAR TAJAANNYA BUKAN SAHAJA DARI ASPEK PENCAPAIAN AKADEMIK TETAPI JUGA KEMAHIRAN DIRI BAGI MELAHIRKAN PELAJAR YANG SENTIASA DEKAT DENGAN ANGKASA, BERKETRAMPILAN DIRI DAN DAPAT MENYUMBANG KEPADA KECEMERLANGAN GERAKAN KOPERASI PADA MASA HADAPAN.

14. AKHIR KATA, SAYA SEKALI LAGI MERAKAMKAN UCAPAN PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH KEPADA YANG BERUSAHA TUAN RUSLI BIN JAAFAR PENGERUSI EKSEKUTIF SURUHAJAYA KOPERASI MALAYSIA (SKM) YANG SUDI BERSAMA KITA MERASMIKAN MAJLIS INI. TIDAK LUPA JUGA KEPADA SEMUA PIHAK YANG

TERLIBAT MENJAYAKAN MAJLIS INI. SAYA
MENGHARAPKAN PELAJAR-PELAJAR
MEMANFAATKAN PELUANG INI DAN
KEMBALI MENABUR BAKTI KEPADA
GERAKAN KOPERASI SUATU MASA NANTI.
SELAMAT MAJU JAYA!

SEKIAN, WABILLAH HITAUFIK
WALHIDAYAH

ASSALAMU' ALAIKUM WARAHMATULLAH
HIWABARAKATUH.